

23/04/2001

MT perlu bincang larangan ahli kaya bertanding

PETALING JAYA, Ahad - Pemimpin Umno yang menyokong supaya ahli parti terlalu kaya tidak dibenarkan bertanding merebut jawatan penting, mahu cadangan itu dibincangkan secara mendalam pada peringkat Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Mereka berpendapat, kajian teliti perlu khususnya ketika mentakrifkan kedudukan 'terlalu kaya' dan sama ada cadangan itu bertentangan dengan perlembagaan parti yang membenarkan setiap ahli bertanding sebarang jawatan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata cadangan itu boleh membendung politik wang dan membolehkan ketua yang terpilih di peringkat bahagian dan cawangan memberi tumpuan terhadap parti.

"Saya percaya cadangan yang dibuat presiden parti adalah kerana kebimbangan beliau terhadap keadaan dalam parti, lebih-lebih lagi gejala politik wang yang berleluasa.

"Bagaimanapun, cadangan itu perlu dihalusi kerana tafsirannya mungkin berbeza dan mungkin kompleks, terutamanya bagaimana hendak mendefinisikan orang yang kaya itu dan perlu ada justifikasi yang perlu dibincangkan," katanya.

Beliau mengulas cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemimpin terlalu kaya tidak dibenarkan bertanding merebut jawatan penting pada peringkat bahagian dan cawangan sebagai langkah membendung amalan politik wang.

Presiden Umno itu dilaporkan berkata, langkah berkenaan diambil kerana golongan terbabit suka menggunakan kekayaan mereka untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh perwakilan.

Najib berkata, jika seseorang ahli itu menjadi golongan korporat, mereka perlu menumpukan sepenuh masa dalam bidang perniagaan tanpa turut serta merebut jawatan dalam parti.

"Jawatan seharusnya diberikan kepada mereka yang serius memimpin parti bagi memastikan Umno terus diterima oleh orang Melayu sebagai wadah perjuangan untuk kepentingan agama, bangsa dan negara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Umno Bahagian Subang, di sini hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, pula menyifatkan pandangan Perdana Menteri itu satu amaran kepada Umno, khususnya kepada pemimpin tertentu yang melakukan kesalahan politik wang.

Katanya, beliau gembira cadangan itu dibuat kerana sebelum ini Presiden Umno sudah membenarkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk tampil menyiasat gejala politik wang yang berlaku dalam parti.

"Memang pandangan itu perlu dihalusi tetapi itu adalah amaran yang jelas bahawa Umno tidak boleh lagi mengambil ringan isu salah guna wang dalam parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Segambut, di sini.

Sementara itu di KLANG, Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kaedah pelaksanaan cadangan berkenaan perlu dihalusi dan diteliti.

Beliau berkata, cadangan Dr Mahathir itu bertujuan memelihara imej pemimpin dan parti bagi mengelak wujud tuduhan bahawa pemimpin Umno hanya terdiri daripada golongan yang amat kaya.

"Wujud gejala baru dalam parti yang mana satu imej diletak pada pemimpin yang terdiri daripada golongan amat kaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Klang.

Mustapa berkata, saranan Perdana Menteri juga bertujuan mengelak daripada sebahagian golongan dalam Umno mengambil pandangan bahawa menjadi pemimpin adalah passport kepada kekayaan.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali, berkata Umno amat memerlukan kerjasama segenap lapisan ahli tanpa mengira latar belakang serta kedudukan ekonomi bagi memastikan perjuangan parti mencapai kejayaan.

"Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir adalah orang-orang kaya yang menggunakan wang untuk mendapatkan jawatan.

"Saya rasa ini yang kita tidak mahu tetapi ada juga orang kaya yang tidak menggunakan wang untuk mendapatkan jawatan," katanya kepada pemberita selepas meraikan anak yatim dan kanak-kanak istimewa anjuran Kelab Lions di kediamannya di sini, hari ini.

Tajol Rosli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak berkata, parti memerlukan undi semua pihak termasuk ahli bijak atau sebaliknya dalam pilihan raya umum.

"Jadi kalau semua orang kaya tidak dibenarkan menjadi ahli Umno akan timbul masalah jika mereka menyokong parti pembangkang.

"Kita sebenarnya tidak mahu wujud dalam Umno orang berpolitik menggunakan wang dan kedudukan untuk mendapat tempat dalam parti," katanya.

Di JASIN, Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata cadangan itu adalah langkah baik untuk mengukuhkan parti.

Beliau berkata, ahli parti yang kaya dan bertanding dengan menggunakan kekuatan sumber kewangan akan mengganggu kelicinan parti dan membawa masalah besar.

"Saya lihat ada arah aliran begitu yang kadang kala tidak munasabah kerana mereka gunakan wang terlalu banyak," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Jasin, di Dewan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Mansor, yang turut menyambut baik cadangan Dr Mahathir mengingatkan mereka yang menyertai Umno supaya memahami perjuangan Umno sebagai badan siasah dalam memastikan hak Melayu tidak tergugat.

"Jangan ingat bila masuk Umno, kononnya parti dapat beri segala-galanya. Saya sendiri bila mula masuk Umno, saya mula dari bawah. Sebagai contoh, pada 1982, yang menjadi ketua penerangan cawangan dan kemudian menjadi ketua pemuda cawangan.

"Lepas itu, saya jadi ahli jawatankuasa penerangan bahagian. Saya ikut langkah demi langkah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat perwakilan tahunan Bahagian Seputeh di Hotel Pearl International, Jalan Klang Lama.

DI SEGAMAT, ahli MT, Datuk Azmi Khalid, berkata cadangan melarang ahli yang terlalu kaya menyertai pemilihan kepemimpinan dalam Umno boleh membawa kesan yang pelbagai kepada parti.

Katanya, hasrat itu memerlukan kajian mendalam bagi mengelak larangan terbabit menjadi punca golongan berkenaan berpindah menyokong parti lawan yang akan lebih menyulitkan Umno.

"Secara moralnya, golongan terbabit perlu menyumbang wang untuk perjuangan Umno dan bukannya menggunakan wang untuk berlawan dalam Umno sehingga merosakkan parti. Inilah gejala tidak sihat.

"Saya menyokong cadangan Presiden Umno untuk melarang golongan terlalu kaya daripada bertanding merebut jawatan dalam parti, tetapi ia perlu kajian mendalam supaya tidak membawa kesan yang merugikan kita," katanya.

Azmi berkata, dalam keadaan tertentu, golongan terlalu kaya itu tidak bertanding, tetapi menaja pemimpin lain untuk bertanding dengan menggunakan sokongan mereka.

DI KOTA KINABALU, ahli MT, Datuk Lajim Ukin, berkata cadangan Perdana Menteri itu bermaksud ahli terlalu kaya tidak payah bertanding, sebaliknya terus memberi sokongan kepada parti dan kerajaan.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, apabila seseorang itu terbabit dalam politik dan menjadi pemimpin, mereka akan bertemu rakyat termasuk sebahagiannya meminta pelbagai sumbangan.

"Cadangan mengenai perkara itu masih awal dan mesyuarat MT akan datang dijangka membuat keputusan mengenainya," katanya.

Sementara itu, Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Senator Datuk M Kayveas, berkata cadangan Dr Mahathir perlu diterima oleh semua parti komponen Barisan Nasional (BN), bukan hanya Umno.

"Dalam PPP juga, masalah ini berlaku. Sebagai contoh, apabila saya mendapat seorang ahli korporat masuk parti, dia terus mahu jawatan tinggi. Saya pun bagi dia jawatan MT, tetapi selepas itu, dia mahu jadi Naib Presiden. Dalam masa dua tiga bulan kemudian, dia mahu jawatan Presiden pula.

"Saya ingat ahli-ahli korporat ini dapat membantu bangunkan parti tetapi mereka mahu rampas kuasa kerana dia ada wang. Jadi, apabila dia dapat peluang dalam politik, mahu mula dari tempat tertinggi," katanya.

DI KUANTAN, Naib Ketua Pemuda Umno Bahagian Kuantan, Abdul Kuddus A Rahim, berkata pemimpin yang kaya lebih baik memberi sumbangan menjayakan program dilaksanakan parti, bukannya menggunakan wang bagi membeli undi.

Beliau yang mendapat pencalonan terbanyak bagi merebut jawatan Ketua Pemuda bahagian itu berkata, saranan Perdana Menteri tepat pada masanya bagi membendung politik wang supaya individu yang mempunyai agenda peribadi tidak dapat menggunakan politik untuk kepentingan mereka.

"Oleh itu, ahli Umno perlu memilih pemimpin yang sanggup memperkukuhkan parti, termasuk membantu menggerakkan kegiatan di peringkat cawangan," katanya.

(END)